

Pengajaran Pembezaan Menggunakan Portal SLS Dan Wordwall

Siti Nur Baeyah Karim

siti_nur_baeyah_karim@schools.gov.sg

Rita Salamoon

rita_salamoon@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Boon Lay Garden

Abstrak

Pembelajaran dalam talian merupakan satu pembelajaran yang menarik bagi murid-murid. Portal SLS dan laman *Wordwall* dapat membantu guru menghasilkan pakej-pakej pembelajaran yang lebih berkesan. Guru membina bahan yang bersesuaian dengan keperluan dan tahap kesediaan murid-murid secara dalam talian ini. Kajian ini yang dijalankan untuk meninjau keberkesanan penggunaan bahan dalam talian untuk menyokong Pengajaran Pembezaan (DI) melibatkan 32 orang murid Darjah 2. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pengajaran Pembezaan melalui penggunaan portal SLS dan *Wordwall* berkesan untuk membantu murid-murid yang berada di tahap yang berbeza untuk mencapai matlamat utama pelajaran yang sama.

Kata Kunci: pengajaran pembezaan, Portal SLS, *Wordwall*, pembelajaran dalam talian, penggunaan ICT



PENGENALAN

Setiap murid berbeza dan memiliki kemahiran yang pelbagai. Di Singapura, Pengajaran Pembezaan (DI) juga telah diserlahkan dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP), Aspek Pengajaran (AP) 7 iaitu Mengambil kira profil murid bagi memudahkan guru untuk membentuk pengalaman pembelajaran yang sesuai. Oleh itu, DI perlu dilakukan demi memaksimumkan kemampuan setiap murid. DI bukan sahaja bererti membezakan cara seseorang guru mengajar, malah DI juga boleh dilakukan dengan membezakan antara kandungan, proses dan produk ataupun penilaian yang dijalankan di dalam bilik darjah (Tomlinson, 2001). Seorang guru perlu menyiapkan bahan-bahan dalam pelajaran yang sesuai untuk membina kemahiran murid.

Hari ini, guru berhadapan dengan pelbagai pilihan untuk mengajar murid dengan menggunakan teknologi. Kemajuan teknologi dan kewujudan media sosial, sofwe-sofwe yang tersedia serta platform pembelajaran secara maya memerlukan guru untuk mengubahcara mereka mengajar (Hamad & Metwally, 2019). Setiap guru dan murid perlu berasa selesa dengan penggunaan ICT. Pelbagai alat sokongan telah dihasilkan agar guru dan murid menjadi lebih pakar dalam mengendalikan bahan-bahan pembelajaran dalam talian. Portal SLS dibina untuk membolehkan guru menghasilkan pelajaran-pelajaran dalam talian dengan lebih mudah dan berkesan. Portal SLS membolehkan guru untuk menghasilkan pengalaman belajar yang bermakna dan bersesuaian dengan profil murid. Ini bermakna, portal SLS dapat menyokong DI dengan lebih berkesan.

Selain itu, Internet menyediakan pelbagai laman pembelajaran yang mampu untuk menghasilkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang cukup menarik untuk murid-murid. Lelaman-lelaman sebegini menyokong usaha guru untuk menghasilkan pakej pembelajaran yang dapat menarik minat murid-murid. Kebanyakan laman ini juga tidak memerlukan guru untuk mempunyai tahap kepakaran ICT yang tinggi. Sebagai contoh, guru boleh memasukkan imejan yang menarik dalam mana-mana alat ICT yang dipilih untuk membangkitkan minat pelajar dalam bahagian pengenalan pengajaran sepertimana yang diterangkan dalam Amalan Pengajaran Singapura, AP Merangsang Minat.



Oleh itu, guru terdorong untuk membina bahan-bahan pembelajaran dalam talian yang bukan sahaja dipelbagaikan, tetapi mampu mengekalkan minat murid pada pakej pembelajaran yang diberikan.

PERNYATAAN MASALAH

Profil murid yang berbeza menimbulkan cabaran bagi guru yang sedang mengajar. Murid yang lemah menghadapi kepayahan untuk memahami kandungan pelajaran, lebih-lebih lagi jika perkara yang ingin diajarkan bersifat kompleks. Murid-murid sebegini memerlukan banyak bahan sokongan dan perancangan yang sesuai agar mereka boleh mengikuti pembelajaran yang sedang dijalankan dan dapat menepati objektif-objektif pelajaran pada hari tertentu. Murid-murid yang lebih pintar pula perlu dicabar dengan aktiviti-aktiviti yang mampu menjana tahap pemikiran yang lebih mendalam agar mereka kekal terangsang di dalam bilik darjah. Di dalam kelas, untuk menghasilkan bahan-bahan sebegini memerlukan masa yang banyak. Keterbatasan masa yang dilalui oleh guru-guru mungkin menyebabkan para guru kurang menghasilkan bahan-bahan yang sesuai dengan keperluan kumpulan murid yang berbeza di dalam kelas masing-masing.

Meskipun penggunaan ICT bukanlah sesuatu yang asing bagi guru-guru di Singapura, masih ramai guru yang merasakan bahawa membina bahan dalam talian merupakan suatu usaha yang mencabar dan memakan masa yang lama. Hal ini membuat mereka kurang cenderung untuk menggunakan bahan sokongan ICT di dalam bilik darjah untuk mengajar. Ada juga guru yang kurang peka tentang adanya laman-laman yang sesuai untuk membantu mereka menghasilkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang sesuai lagi menarik bagi murid-murid. Yang nyata, murid-murid hari ini ialah pelajar digital yang gemar belajar dengan bahan-bahan berbentuk interaktif. Oleh itu, sebagai pendidik hari ini, guru perlu mencari jalan untuk menjadikan pengajaran mereka bersifat lebih interaktif dan berkesan. Penting bagi guru untuk menggunakan ICT sebagai salah satu wadah untuk membantu mereka bukan sahaja untuk menyediakan suasana belajar yang diminati oleh murid-murid hari ini, malah untuk menyokong usaha mereka untuk mempelbagaikan pengajaran itu agar sesuai dengan kumpulan murid yang berlainan dari segi pencapaian akademik mereka.



TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan portal SLS dan laman Wordwall untuk memudahkan pembelajaran bahasa bagi murid yang berlainan tahap pencapaian akademik;
2. meneliti keberkesanan strategi DI dalam talian untuk meningkatkan kemahiran murid agar dapat mencapai tahap kemahiran yang diinginkan; dan
3. meneliti keberkesanan kaedah yang digunakan dalam memupuk sikap murid dalam pembelajaran sendiri (*self-directed learning*) untuk mencapai tahap kemahiran yang diinginkan.

KAJIAN LEPAS

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Bagon, Gačnik dan Starcic (2018), manfaat penggunaan ICT sebagai bahan sokongan yang dapat disesuaikan untuk murid yang berlainan sikap dan tahap kemampuan masing-masing. Antara manfaat itu termasuk perkembangan kognitif, rangsangan tahap motivasi dan peningkatan kemahiran komunikasi, literasi dan kemahiran sosial. Ini selaras dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang menyatakan tentang kepentingan membezakan kandungan dan proses dalam sesuatu pengajaran supaya para pelajar yang berlainan keupayaan dapat memahami kandungan pengajaran yang diajarkan.

Chapelle (2001) berpendapat, terdapat kaitan rapat antara penggunaan bahasa hari ini dengan teknologi. Beliau menekankan bahawa sememangnya, penggunaan teknologi sudah tidak terpisah lagi dengan pemerolehan bahasa, lebih-lebih lagi dalam memperoleh kemahiran-kemahiran bahasa kedua.

Ternyata, penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bukanlah sesuatu yang asing bagi guru dan murid-murid pada abad ini. Penggunaan ICT dalam PdP hari ini telah melahirkan suasana bilik darjah yang bukan sahaja lebih menarik, malahan mampu memberikan kesan yang mendalam bagi murid-murid. AP Memilih Alat Bantu dan Bahan



Pembelajaran ini menggalakkan guru agar menimbulkan rasa ingin tahu, merangsang minat dan memberikan tahap cabaran yang sesuai dalam pengajaran mereka. Perkara ini dapat dicapai dengan bantuan alat-alat ICT yang menarik yang tersedia di Internet.

Penggunaan ICT membolehkan guru-guru untuk meneroka bagaimana guru dapat mengajar dengan lebih kreatif dan inovatif yang mampu menawan minat murid-murid dalam topik pelajaran yang ingin disampaikan. Meskipun guru sudah menggunakan ICT semasa mengajar, tidak semestinya murid-murid faham akan pengaduan ICT yang berkesan (Razak, Jalil, & Ismail, 2019). Untuk membolehkan guru mengintegrasikan ICT dalam pengajaran, mereka harus faham peranan ICT dengan lebih mendalam agar pengajaran menjadi lebih bermakna.

Seorang guru haruslah bijak memilih bahan pembelajaran ICT yang sesuai. Guru merupakan pakar di dalam bilik darjah yang menentukan kesesuaian bahan untuk murid-murid, berdasarkan suasana pembelajaran, tahap kesediaan murid-murid, cara belajar murid-murid dan juga minat mereka (Tomlinson, 2001). Oleh itu, DI yang menggunakan ICT penting supaya bahan-bahan yang dipilih menepati keperluan murid-murid yang cukup berlainan ini. Pemilihan bahan yang mudah digunakan dan tidak memerlukan pengetahuan ICT yang tinggi dapat mengurangkan masa persiapan yang diperlukan untuk menghasilkan bahan ICT yang berkualiti bagi murid-murid.

Menurut laman *GovTech Singapore*, portal SLS merupakan ruang pembelajaran yang dapat mempertingkatkan PdP sekolah-sekolah di Singapura. Dengan adanya koleksi bahan rujukan PdP dalam portal itu, portal SLS dapat memperkasa murid agar belajar secara fleksibel. Mereka boleh mengakses pembelajaran mengikut kecepatan masing-masing. Mereka juga digalakkan untuk lebih bertanggungjawab atas pembelajaran sendiri. Sememangnya, portal SLS amat sesuai digunakan oleh guru-guru yang ingin membezakan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan efektif.

Wordwall pula merupakan alat pembelajaran yang membolehkan guru-guru untuk menghasilkan latihan-latihan dalam talian yang interaktif dan menarik dengan mudah. Guru tidak memerlukan kecekapan ICT yang tinggi



kerana templat-templat yang pelbagai disediakan untuk kegunaan guru bagi menghasilkan latihan-latihan yang sesuai. Menurut laman *The Digital Teacher*, *Wordwall* berpotensi untuk digunakan sebagai bahan pembelajaran sendiri berdasarkan kandungan pembelajaran yang telah disiapkan oleh guru. Kumpulan murid yang berbeza boleh diberikan aktiviti yang berlainan tahap kepayahan. Hal ini dapat menyokong rancangan pengajaran yang perlu dilakukan bagi kelas yang rencam.

Dengan ini, dapat dilihat bahawa portal SLS dan laman *Wordwall* saling menyokong untuk menghasilkan pakej pembelajaran dalam talian yang bukan sahaja bersifat kreatif, menarik dan interaktif. Malahan, kedua-dua alat pembelajaran ICT ini dapat mendukung DI di dalam sesebuah bilik darjah, dengan menggunakan bahan pembelajaran yang sesuai. Kemampuan *Wordwall* untuk memberikan laporan yang terperinci tentang kelakonan murid-murid setelah menyelesaikan aktiviti-aktiviti pula membantu guru untuk memantau tahap pemahaman murid terhadap kandungan yang diajarkan. Dengan ini, guru tahu tentang langkah-langkah selanjutnya yang perlu diambil untuk memastikan semua murid mampu mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan terbahagi kepada tiga tahap yang dilaksanakan guru:

Tahap Tinjauan

1. Menjalankan tinjauan terhadap profil dan pencapaian murid.
2. Semasa PdP di dalam kelas, guru memerhatikan murid dan melakukan analisis terhadap hasil kerja murid.

Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

1. Menetapkan topik dan objektif pembelajaran yang ingin dijalankan dengan menggunakan portal SLS dan laman *Wordwall*.
2. Membina bahan-bahan dalam talian yang sesuai. Bahan-bahan dalam talian yang dihasilkan dibezakan dari segi proses mengikut dua profil murid:



- a. Murid pada aras kebolehan/melebihi aras kebolehan
- b. Murid praaras kebolehan

Tahap Pemantauan

1. Menjalankan sesi pengajaran dengan menggunakan pakej pembelajaran yang telah dihasilkan.
2. Semasa murid menyelesaikan pakej pembelajaran, guru memantau di dalam kelas untuk mendapatkan gambaran tentang keberkesanan aktiviti.
3. Keputusan daripada kuiz-kuiz yang dilakukan melalui portal SLS dan *Wordwall*, latihan dalam Buku Aktiviti CEKAP serta tiket masuk yang dijalankan beberapa hari selepas itu digunakan untuk menilai pencapaian murid.

Subjek Kajian

Seramai 32 orang murid Darjah 2 Bahasa Melayu telah terlibat dalam kajian ini. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan utama berdasarkan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Seramai 27 orang murid membentuk kumpulan murid pada aras kebolehan dan melebihi aras kebolehan manakala 5 orang murid dikenal pasti bagi kumpulan murid praaras kebolehan.

Instrumen Kajian

Untuk kajian ini, kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat yang diperoleh. Bagi pengumpulan data kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan antara tiga sumber, iaitu keputusan latihan portal SLS atau *Wordwall*, hasil kerja daripada buku aktiviti dan keputusan daripada aktiviti Tiket Masuk yang dijalankan. Bagi pengumpulan data kualitatif pula, pemantauan dilakukan di dalam bilik darjah untuk melihat pelibatan murid semasa melakukan latihan-latihan dalam talian. Maklum balas diperoleh daripada guru-guru yang memantau.



Prosedur Kajian

Tahap Tinjauan

Semasa tempoh Pemutus Litar, pembelajaran dalam talian di rumah telah dijalankan untuk memastikan bahawa murid-murid masih dapat meneruskan pembelajaran mereka. Namun, dapatan daripada guru mendapati bahawa murid-murid, terutama murid praaras kebolehan tidak dapat menyelesaikan tugas-tugas dalam talian yang diberikan. Setelah dikaji dengan lebih mendalam lagi, salah satu masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid ini ialah tahap kepayahan bagi latihan-latihan yang diberikan mencabar bagi mereka. Selain itu, secara umumnya, murid praaras kebolehan juga menghadapi masalah menggunakan aplikasi-aplikasi dan laman-lalaman yang diberikan kepada mereka kerana mendapati arahan yang diberikan mengelirukan mereka. Sepertimana yang tertulis dalam Amalan Pengajaran Singapura, guru haruslah mengambil kira profil pelajar (AP 7) dengan mengumpul maklumat mengenai profil pelajar (AM 1) agar dapat menyediakan bahan yang sesuai dengan pembelajaran murid.

Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

Guru meneroka pelbagai aplikasi dan laman yang kerap digunakan untuk mendapatkan laman yang paling sesuai bagi menyokong pembelajaran murid-murid, terutama murid-murid praaras kebolehan. Selepas membuat tinjauan dalam kalangan guru, *Wordwall* dipilih bukan sahaja disebabkan antara mukanya yang mudah bagi guru tetapi bagi murid-murid juga.

Para pengkaji memilih topik daripada Buku Teks CEKAP 2B untuk menghasilkan pakej pembelajaran. Untuk kajian ini, topik yang dipilih merupakan 'Kata Majmuk', topik yang telah murid pelajari sebelum ini. Senarai kata majmuk yang telah dipelajari oleh murid dikumpulkan dan digunakan dalam penghasilan pakej pembelajaran. Portal SLS digunakan untuk menyokong pembelajaran dalam kelas manakala laman *Wordwall* digunakan untuk menghasilkan kuiz-kuiz, terutama bagi murid praaras kebolehan. Selain daripada menyelesaikan latihan-latihan yang diberikan dalam talian, murid-murid juga diperlukan untuk melengkapkan latihan dalam buku aktiviti mereka untuk mengukuhkan pengetahuan yang telah diraih daripada pelajaran yang



telah mereka lalui. Selepas beberapa hari, untuk menguji ingatan murid tentang kata majmuk, murid diberikan Tiket Masuk. Bersesuaian dengan AP 12 iaitu Memilih Alat Bantu dan Bahan Pembejajaran, peranan guru (AM 4) amat penting dalam menentukan bahan-bahan pembelajaran yang wajar dengan tahap pencapaian murid.

Tahap Pemantauan

Semasa sesi pengajaran dijalankan, guru berjalan di sekeliling kelas untuk memantau murid berinteraksi dengan latihan-latihan dalam talian yang diberikan. Selepas tamat sesi pembelajaran dalam talian, guru menilai hasil kerja murid dan merekod pencapaian murid-murid. Pencapaian murid daripada dua kumpulan yang dibezakan dibandingkan untuk menilai keberkesanan pakej pembelajaran dalam membezakan pembelajaran dengan menggunakan bahan dalam talian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada akhir pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada banyak perbezaan antara pencapaian kedua-dua kumpulan murid. Jadual 1 dan 2 menunjukkan pencapaian yang diraih oleh kedua-dua kumpulan murid untuk ketiga-tiga bentuk penilaian yang telah diberikan.

Jadual 1: Pencapaian Murid Praaras Kebolehan Untuk Semua Penilaian

Peratusan Markah	Kuiz <i>Gameshow</i> dalam Wordwall	Latihan Buku Aktiviti	Aktiviti Tiket Masuk
0-20	0	0	0
21-40	0	0	0
41-60	0	0	0
61-80	80%	0	0
81-100	20%	100%	100%




Jadual 2: Pencapaian Murid Pada Aras Kebolehan/Melebihi Aras Kebolehan Untuk Semua Penilaian

Peratusan Markah	Kuiz <i>Gameshow</i> dalam <i>Wordwall</i>	Latihan Buku Aktiviti	Aktiviti Tiket Masuk
0-20	0	0	0
21-40	0	0	0
41-60	0	0	0
61-80	11%	7%	0
81-100	89%	93%	100%

Jika dibandingkan pada awalnya, murid-murid dalam kumpulan praaras kebolehan tidak dapat mencapai markah yang tinggi berbanding dengan murid daripada kumpulan pada aras kebolehan/melebihi aras kebolehan. Salah satu sebabnya ialah kuiz dalam *Wordwall* itu turut menguji pengetahuan sedia ada murid tentang kata majmuk yang pernah dipelajari dalam unit sebelumnya. Terdapat 10 kata majmuk yang diuji dan ada antara kata majmuk itu tidak terkandung dalam senarai kata majmuk yang dipelajari pada hari itu. Murid-murid perlu bergantung pada pengetahuan sedia ada mereka untuk kata majmuk yang bukan dalam nota kata majmuk yang dipelajari pada hari itu. Rajah 1 menunjukkan keputusan murid untuk kuiz melalui *Wordwall* itu.


Rajah 1: Peratusan Jawapan Betul Daripada Murid Praaras Kebolehan Untuk Kuiz *Wordwall*



80% murid tidak dapat menjawab soalan yang terakhir dengan tepat. Kata majmuk 'kertas lap' bukan kata majmuk yang diajar pada hari itu. Kata majmuk itu telah diajar dalam pelajaran yang berasingan. Namun begitu, untuk

markah keseluruhan, tiada murid praaras kebolehan yang gagal dalam kuiz tersebut. Bagi murid kumpulan pada aras kebolehan/melebihi aras kebolehan pula, kebanyakan murid dapat menjawab dengan tepat soalan-soalan kata majmuk dalam kuiz yang sama. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai daripada mereka yang mampu untuk mengingat kata majmuk yang telah diajar sebelum pelajaran hari itu. Rajah 2 menunjukkan keputusan murid-murid pada aras kebolehan/melebihi aras kebolehan bagi kuiz yang sama.

Rajah 2: Peratusan Jawapan Betul Daripada % Murid pada aras kebolehan/melebihi aras kebolehan untuk Kuiz *Wordwall*



Walau bagaimanapun, pencapaian bagi kedua-dua kumpulan murid telah menunjukkan persamaan bagi latihan dalam buku aktiviti yang dijalankan pada hari itu dan juga untuk aktiviti Tiket Masuk yang telah dijalankan beberapa hari selepas pelajaran utama. Malahan, untuk latihan buku aktiviti, semua murid dalam kumpulan praaras kebolehan telah berjaya meraih markah penuh untuk latihan itu. Dengan merujuk kepada nota yang diberikan, murid mampu menyelesaikan latihan itu secara sendiri dengan tepat. Nota yang diberikan ringkas dan mudah difahami dan ini membolehkan murid untuk menggunakan nota-nota itu sebagai bahan rujukan yang berguna semasa pembelajaran mereka.

Sama seperti latihan buku aktiviti, pencapaian murid untuk aktiviti Tiket Masuk tidak menunjukkan perbezaan bagi kedua-dua kumpulan murid.



Kesemua murid telah mencapai markah yang tinggi bagi aktiviti ini. Dalam aktiviti ini, murid menjawab soalan-soalan mudah tentang kata majmuk berdasarkan senarai kata majmuk yang telah mereka pelajari beberapa hari sebelumnya. Secara keseluruhan, 94% orang murid telah berjaya mencapai markah penuh bagi aktiviti Tiket Masuk itu.

Faktor penting yang memainkan peranan besar dalam memastikan kejayaan murid-murid praaras kebolehan berbanding dengan murid-murid pada aras kebolehan/melebihi aras kebolehan ialah DI yang telah dijalankan. Meskipun ujian-ujian yang diberikan sama bagi kedua-dua kumpulan murid, proses pembelajaran kedua-dua kumpulan ini telah dibezakan. Bentuk-bentuk soalan yang diajukan dimudahkan bagi murid-murid praaras kebolehan untuk membolehkan mereka lebih mudah memahami pelajaran yang disampaikan. Selain daripada kuiz *Gameshow* dalam *Wordwall*, beberapa lagi kuiz dan aktiviti pembelajaran lain daripada *Wordwall* telah digunakan untuk menguji pemahaman murid pada bahagian-bahagian tertentu pelajaran itu. Setiap aktiviti ini disesuaikan dengan kemahiran bahasa kumpulan-kumpulan murid tertentu agar mereka dapat menyelesaikan latihan dan mencapai kriteria kejayaan yang telah diberikan. Dengan cara ini, setiap murid, tanpa mengira kemahiran bahasa mereka, dapat mengikuti pelajaran itu. Hal ini dapat membina keyakinan diri murid-murid untuk belajar dengan lebih berkesan tanpa memerlukan banyak bantuan daripada guru mahupun kawan-kawan mereka.

Maklum balas daripada guru-guru yang memantau semasa sesi pembelajaran dalam talian dijalankan di dalam bilik darjah sangat memberangsangkan. Murid-murid kelihatan amat fokus semasa sesi pembelajaran dalam talian dijalankan. Lebih penting, murid-murid praaras kebolehan tidak menghadapi masalah semasa menyelesaikan tugas-tugas dalam talian yang diberikan. Oleh sebab tugas yang diberikan telah pun dibezakan buat mereka, mereka dapat memahami arahan-arahan dan melengkapkan tugas dalam jangka waktu yang diperuntukkan tanpa memerlukan sebarang bantuan daripada guru. Selain itu, penggunaan *Wordwall* juga membolehkan murid-murid untuk cuba menjawab kuiz yang sama berulang kali sehingga mereka dapat mencapai tahap kemahiran yang diingini. Beberapa orang murid telah dilihat cuba menjawab kuiz itu berkali-



kali sehingga mereka dapat menjawab semua soalan dengan tepat. Ini menggalakkan budaya pembelajaran sendiri dalam diri murid-murid.

KESIMPULAN

DI ialah pendekatan pengajaran yang amat penting untuk memastikan tiada murid yang ketinggalan di dalam bilik darjah. Dengan adanya kemudahan ICT pada hari ini untuk memudahkan lagi tugas seorang guru untuk menyesuaikan pengajaran dengan tahap prestasi murid, guru-guru haruslah lebih proaktif dalam merancang aktiviti-aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan murid-murid di dalam kelas mereka. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, ternyata bahawa seandainya DI dijalankan di dalam bilik darjah dengan berkesan, murid-murid praaras kebolehan juga akan dapat mencapai matlamat pengajaran tanpa memerlukan terlalu banyak bimbingan daripada guru. Pembelajaran secara sendiri dapat dilakukan, tanpa mengira kemahiran murid pada waktu itu.

Penggunaan bahan ICT sememangnya memainkan peranan penting untuk memastikan murid kekal fokus semasa melakukan tugas-tugas yang diberikan. Namun, pemilihan bahan ICT yang sesuai adalah penting untuk memastikan murid boleh menggunakan bahan itu dengan mudah. Dalam aspek ini, pemilihan Wordwall amat sesuai. Wordwall bukan sahaja mudah untuk digunakan oleh murid-murid, malahan untuk guru juga. Semasa persiapan untuk kajian ini, guru yang menyediakan bahan-bahan dalam talian, khususnya bahan melalui laman *Wordwall*, tidak memerlukan masa yang banyak untuk menyiapkan aktiviti-aktiviti yang sesuai buat murid-murid. Hal ini penting supaya guru tidak rasa bahawa mereka telah dibebankan dengan sesuatu yang payah. Dengan cara ini, kadar penerimaan guru untuk menggunakan laman ini sebagai salah satu bahan sokongan ICT lebih tinggi. Selain itu, kepelbagaian aktiviti yang terdapat dalam laman *Wordwall* juga membolehkan guru untuk menghasilkan aktiviti-aktiviti yang menarik dan dapat menawan minat murid-murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Oleh itu, berdasarkan dapatan daripada kajian ini, beberapa cadangan dapat diusulkan untuk langkah-langkah seterusnya. Salah satu daripada cadangan itu adalah untuk mendapatkan lebih ramai guru untuk menggunakan



lelaman *Wordwall* dalam menyediakan aktiviti-aktiviti dalam talian yang menarik dan interaktif untuk pakej-pakej pembelajaran mereka. Selain itu, guru-guru juga perlu mendalami lagi pengetahuan mereka tentang DI melalui penggunaan bahan-bahan ICT agar dapat menghasilkan pakej-pakej pembelajaran yang sesuai dengan profil murid masa kini. Guru-guru perlu lebih berani untuk meneroka penggunaan ICT untuk mengajar murid-murid yang rencam ini, lebih-lebih lagi murid-murid zaman ini yang lebih selesa dengan penggunaan ICT. Sekiranya guru-guru dapat menyahut cabaran-cabaran ini secara positif, kejayaan dapat diraih oleh murid-murid, bukan sahaja dalam aspek akademik, malahan dalam pembentukan peribadi mereka.

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian:

1. Puteri Nor'Atika Raja Ismail
2. Nur Marina Somdi
3. Norlaily Ahmad

RUJUKAN

Amalan Pengajaran Singapura (Singapore Teaching Practice) - Rujukan Tambahan. (2019). Singapura, SG: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Bagon, Š, Gačnik, M., & Starcic, A. I. (2018). Information Communication Technology Use among Students in Inclusive Classrooms. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 13(06), 56. doi:10.3991/ijet.v13i06.8051

Chapelle, C. A. (2001). *Computer Applications in Second Language Acquisition: Foundations for teaching, testing and research*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.

Hamad, M. M., & Metwally, A. A. (2019). Using Technology towards Promoting Online Instructional Scaffolding: Literature Review. *Arab World English Journal*, Special Issue: The Dynamics of EFL in Saudi Arabia. 85-95, doi: <https://dx.doi.org/10.24093/awej/efl1.7>

- Lewis, R. (2017, Jun). Wordwall. Dipetik pada 29 Oktober, 2020 dari <https://thedigitalteacher.com/reviews/wordwall>
- Razak, N. A., Jalil, H. A., & Ismail, I. A. (2019). Challenges in ICT Integration among Malaysian Public Primary Education Teachers: The Roles of Leaders and Stakeholders. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (IJET)*, 14(24), 184. doi:10.3991/ijet.v14i24.12101
- Student Learning Space. (n.d.). Dipetik pada 29 Oktober, 2020 dari <https://www.tech.gov.sg/products-and-services/student-learning-space/>
- Tomlinson, C. A. (2001). *How to differentiate instruction in mixed-ability classrooms*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- What is SLS? (n.d.). Dipetik pada 28 Oktober, 2020 dari [https://www.moe.gov.sg/education/syllabuses/singapore-student-learning-space-\(sls\)](https://www.moe.gov.sg/education/syllabuses/singapore-student-learning-space-(sls))

